

Merekayasakan BAHASA MELAYU

Peristiwa Zaman Meleset yang dikenali sebagai *The Great Depression* dengan Kejatuhan Wall Street 1929 sedikit sebanyak boleh dijadikan satu analogi yang seakan-akan menyerupai masalah bahasa Melayu di Malaysia. Bezanya, Zaman Meleset berkaitan dengan ekonomi, sedangkan masalah bahasa Melayu di Malaysia berkaitan pula dengan rasa kepunyaan dan martabat sebuah negara bangsa bernama Malaysia.

Malah, masalah ekonomi dilihat menjadi pemangkin ke arah kehuru-haraan pasaran sehingga mewujudkan peperangan bagi mengisi ruang-ruang kehuru-haraan itu. Hal yang sedemikian ini jelas terbukti melalui kesan *The Great Depression* yang menjadi sejarah hitam dunia. Sejarah itu, tercatat dalam Peperangan Dunia Kedua, yang akhirnya dinoktahkan dengan banyak kematian dan tanpa menemui sebarang jalan penyelesaian.

Namun, dalam konteks masalah bahasa Melayu di Malaysia, tanpa sedar, telah berlaku beberapa siri kecenderungan yang lebih dahsyat, kerana hal ini melibatkan budaya fikir dan jati diri. Mungkin setakat ini belum berlaku rusuhan yang mengakibatkan kecelakaan, tetapi bibit-bibit perpecahan sudah mula bertunas. Pembudayaan fikiran yang semakin celaru menjaral menelusuri pembawaan imej sendiri, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Penonjolan mengikut suara kaum dan bangsa semakin ketara digembar-gemburkan. Masing-masing meletakkan pendirian dalam petak tersendiri sebagai teras perjuangan mempertahankan nilai bangsa mengikut kaum. Perubahan ini sebenarnya mengundang satu kerisauan. Bentuk keputusan tidak lagi mencirikan kebersamaan yang telah dimuktamadkan sewaktu menuntut kemerdekaan. Bahkan, undang-undang dan akta hanya terbiar tanpa menjadi bahan rujuk yang utama.

Barangkali ramai warga Malaysia menyedari bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan dengan jelas termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru, kesedaran itu hanya dalam konteks mengetahui tanpa menghayatinya. Persoalannya, adakah perlu warga Malaysia dipersalahkan kerana tidak peka dan prihatin tentang perkembangan bahasa Melayu yang seakan-akan hidup segan mati tak mahu?

Dalam situasi semasa, bahasa Melayu bukan lagi menjadi pilihan utama yang perlu dibincangkan oleh pemimpin melalui kaca mata pembangunan. Walaupun dalam persidangan UMNO yang lalu ada dibangkitkan soal bahasa Melayu, namun isu itu hanya menjadi bahan omongan yang seakan-akan masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.

Terkemudian, suara-suara pejuang bahasa dan aktivis bahasa berkemundang mempertahankan bahasa Melayu yang cuba sekali lagi dinafikan haknya dalam dasar pendidikan negara, sehingga gerakan yang dahulunya pernah membantah PPSMI bangkit semula dan mendesak agar kerajaan menilai semula dasar dwibahasa yang cuba dijadikan usaha pengulangan untuk meneruskan

Ironinya, generasi muda, khususnya pelajar, sentiasa menjadi bahan uji kaji untuk merasionalkan teori yang bersandarkan pada tuntutan ekonomi yang masih samar-samar dan kabur pencapaiannya.

PPSMI. Hal yang pasti, pendidikan dalam subjek sains, matematik dan teknologi, kini sedang giat dilaksanakan melalui dasar dwibahasa antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Maka, setelah hampir 60 tahun Malaysia merdeka, bahasa Melayu masih dilihat dan dijadikan bahan uji kaji bagi menilai sama ada berkemampuan atau berkesan menjadi pemangkin ke arah pembangunan ilmu, khususnya pada peringkat sekolah.

Alasannya, generasi muda Malaysia dianggap lemah menguasai bahasa Inggeris. Justeru, usaha memperkasakan bahasa Inggeris perlu segera dilakukan. Kepelikan berlaku dalam usaha ini apabila, lain penyakit lain pula ubat yang diberikan. Masalahnya di sini adalah lemah penguasaan bahasa Inggeris, tetapi untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa Inggeris, maka digunakan subjek sains, matematik dan teknologi untuk memperkasakannya.

Akibatnya, berlaku dua kali kelemahan ketara, iaitu lemah dalam bahasa Inggeris, lemah juga dalam sains, matematik dan teknologi kerana untuk memahami pembelajaran sains, matematik dan teknologi memerlukan wahana seperti bahasa yang dapat

memperjelasnya. Teori ini mudah yang sebenarnya cukup diyakini oleh pakar-pakar sains dan matematik.

Berdasarkan logik tersebut, apakah sebenarnya yang hendak dilakukan oleh dasar yang mengutamakan bahasa Inggeris ini? Memang tidak dinafikan betapa pentingnya bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi global. Namun, kaedah dan pendekatan memperkasakannya harus bertitik tolak melalui bahasa Inggeris itu sendiri, iaitu menilai mekanisme pembelajaran dan pengajarannya, bukan dipraktikkan dalam subjek yang lain.

Ironinya, generasi muda, khususnya pelajar, sentiasa menjadi bahan uji kaji untuk merasionalkan teori yang bersandarkan tuntutan ekonomi yang masih samar-samar dan kabur pencapaiannya. Waima telah terbukti pendekatan tersebut telah gagal sebelum ini, namun usaha meneruskannya dalam bentuk yang baharu masih dilakukan tanpa mempedulikan kesannya. Akhirnya, berlaku dua kali kelemahan ketara, iaitu lemah dalam bahasa Inggeris, lemah juga dalam sains, matematik dan teknologi kerana untuk memahami pembelajaran sains, matematik dan teknologi memerlukan wahana seperti bahasa yang dapat

Maka, dalam desakan perubahan yang semakin memacukan nilai ekonomi sebagai penanda aras kemajuan, bahasa Melayu harus tampil dengan wajah

Sekalipun telah dibuktikan oleh negara maju lain seperti Jepun, Perancis, Jerman, dan sebagainya yang berkembang maju dengan bahasanya sendiri, negara Malaysia sukar untuk menurutinya kerana kepelbagaian kaum yang ada di dalam negara Malaysia melihat dalam balang keberadaan kaum masing-masing.

yang lebih berwibawa, selain hanya difahami sebagai bahasa kebangsaan melalui Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Wajah yang berwibawa itu menuntut bahasa Melayu perlu terkedepan dalam usaha membuktikan kemampuannya.

Sebenarnya, bahasa Melayu telah sekian lama membuktikan kemampuannya sebagai bahasa ilmu, bahasa pemersatu, bahasa perpaduan, bahasa peradaban, dan sebagainya. Natiujahnya, bahasa Melayu tetap dipertikaikan hanya kerana tuntutan perubahan yang terlalu disalahtafsirkan. Pemahaman yang sempit bahawa hanya bahasa Inggeris sebagai bahasa yang mampu memajukan sesebuah negara hanya satu retorik yang lemah.

Sekalipun telah dibuktikan oleh negara maju lain seperti Jepun, Perancis, Jerman, dan sebagainya yang berkembang maju dengan bahasanya sendiri, negara Malaysia sukar untuk menurutinya kerana kepelbagaian kaum yang ada di dalam negara Malaysia melihat dalam balang keberadaan kaum masing-masing. Bahasa Melayu diperlihatkan kononnya hanya dimiliki oleh orang Melayu semata-mata. Walhal sebelum ini, negara Malaysia pernah

mengalami peristiwa kekacauan kaum seperti Peristiwa 13 Mei yang akhirnya melahirkan Rukun Negara. Kalau dilihat lebih jauh ke belakang, dalam usaha menuntut kemerdekaan, orang Melayu yang menjadi warga sejadi di Tanah Melayu membuka ruang kewarnegaraan kepada pendatang demi menyahut seruan kesamarataan pengertian untuk bebas daripada penjajah.

Pengorbanan itu merupakan satu perjuangan yang cukup ikhlas oleh orang Melayu dan sepatutnya dihargai oleh kaum-kaum lain. Maka, dipilih bahasa Melayu sebagai bahasa yang menggantikan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa penjajah, kerana proses kesamarataan pengertian untuk menyatukan pelbagai kaum ini. Alasannya cukup munasabah kerana bahasa Melayu merupakan bahasa bagi penduduk yang majoriti di Tanah Melayu ketika itu.

Namun, setelah hampir 60 tahun merdeka, perjuangan memartabatkan bahasa Melayu masih berterusan dengan desakan dan hambatan yang lebih keras, merumitkan dan menimbulkan sisi-sisi yang lain untuk difahami. Kalau dahulu perjuangan itu melibatkan ketidakfahaman kaum

lain menepis prasangka terhadap bahasa Melayu, kini pertikaian terhadap bahasa Melayu itu datang dan wujud dalam kalangan orang Melayu itu sendiri.

Menyedari hakikat tersebut, usaha-usaha merekayasakan bahasa Melayu harus dilakukan dengan giat, terancang dan berfokus. Bahasa Melayu harus berada dalam suasana yang mengisi semua aspek, bukan lagi dibiarkan sebagai bahasa yang terjamin dalam perlembagaan, tetapi bahasa yang memberikan kewajaran yang bernas sebagai bahasa pemodenan.

Pertama, bahasa Melayu harus berperanan dalam konteks pembangunan minda dengan melahirkan satu fenomena keilmuan yang meluas. Keilmuan yang terancang melalui keterlibatan pakar bidang. Gerak kerja ini amat menuntut para fikir dalam kalangan profesor, doktor, dan profesion lain di Malaysia untuk menulis buku, artikel, jurnal, dan sebagainya dalam bahasa Melayu.

Sebenarnya telah adapun dalam kalangan pemikir yang menyumbang dalam bentuk penulisan tetapi dalam skala yang amat kecil, di samping tidak menyeluruh dalam pelbagai bidang dan masih berlegar dalam kasus yang bersifat konseptual. Fenomena keilmuan harus segera dilakukan dalam bahasa Melayu, khususnya dalam bidang matematik, sains dan teknologi, kerana bidang-bidang berkenaan dianggap sebagai bidang yang menjadi teras pembangunan.

Fenomena keilmuan ini juga perlu dijadikan satu wacana berterusan untuk merangsang perkembangan bahasa Melayu meneliti pelbagai bidang ilmu baharu. Penemuan idea, konsep dan praktikal kemajuan sesuatu perkara yang mempunyai daya

mampu maju sebagai industri memerlukan gerak tindak antara melalui bahasa Melayu. Sebagai contoh, pemakanan, kecantikan dan kesihatan yang kini amat mendominasi pasaran di Malaysia wajar dimanfaatkan sebagai satu penemuan kelimuan yang mesti digarap melalui bahasa Melayu.

Dalam kalangan pemimpin yang sentiasa mengemukakan gagasan dan wawasan juga harus melahirkan penulisan dalam bahasa Melayu. Penulisiannya itu bukan hanya meliputi pedoman sejarah, tetapi juga meneliti keadaan semasa untuk dijadikan satu tinjauan melihat masa hadapan. Hasilnya, masa hadapan dapat dibayangkan dengan membina masyarakat yang lebih tersusun, berperibadi dan bersama-sama mengimarahkan pembangunan negara.

Kedua, bahasa Melayu yang telah sekian lama dianggap sebagai bahasa perpaduan dan kesatuan perlu dijenamakan semula sebagai bahasa yang memberikan kesamarataan pengertian. Jurang kefahaman semakin menjarak disebabkan dasar pemetakan yang dilakukan oleh dasar yang sedia ada. Dasar keyakinan terhadap kesatuan itu luntur apabila masing-masing dilihat cuba menegakkan prinsip kaum sendiri.

Sebagai contoh, dasar kepertanian yang menjelmakan politik berdasarkan kaum, dasar pendidikan yang masih wujud sekolah mengikut kaum, dasar perkhidmatan yang memisahkan pekerja kerajaan dan pekerja swasta yang juga berdasarkan kaum, dasar ekonomi yang masih dimonopoli oleh kaum tertentu dan dasar media yang mengagihkan siaran berdasarkan kehendak kaum.

Maka, usaha menyerapkan nilai kesamarataan pengertian ini tidak dapat dilakukan hanya dengan

teori di atas kertas. Usaha ini memerlukan gerak tindak antara pemimpin untuk duduk secara lebih terbuka dengan membawa dasar untuk menjadikan negara bangsa yang benar dan bukannya dasar yang dibaui oleh ideologi sempit, berkepentingan dan berbentuk kepura-puraan.

Kebergantungan warga atau masyarakat untuk memahami kesamarataan pengertian ini melalui satu bahasa perlu dipupuk, diperjelas dan disokong melalui penerimaan yang ikhlas atas tujuan untuk bersama-sama menjadikan Malaysia sebuah negara yang harmoni dengan kepelbagaian kaum yang ada sebagai pendukungnya. Mungkin, usaha memperkaya bahasa Melayu dengan memasukkan istilah bahasa Cina dan bahasa Tamil yang boleh diurnikan mampu menterjemahkan kesamarataan pengertian antara warga Malaysia. Hal ini sebenarnya telah dilakukan, apabila bahasa-bahasa suku Sabah dan Sarawak dimasukkan ke dalam daftar istilah bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Sewajarnya, usaha ini perlu terus dilakukan demi menjadikan bahasa Melayu kaya dengan pelbagai istilah yang mengisi konsep kesamarataan pengertian itu.

Ketiga, bahasa Melayu perlu diperkasakan dalam media, khususnya media elektronik. Media seperti televisyen dan radio harus berperanan memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul, mesra dan meyakinkan. Masalah utamanya, sekarang ini wujud program stesen radio yang bersifat segregasi kaum. Bahkan hal ini mula merebak dalam program televisyen.

Bayangkan suatu waktu dahulu, penyanyi kumpulan Alleycats yang berbangsa India berjaya mendendangkan lagu dalam bahasa Melayu yang

menjadi siulan ramai. Begitu juga dengan kumpulan Kenny, Remy dan Martin yang ahlinya berbangsa Tionghua tetapi amat fasih menyanyikan lagu Melayu. Gambaran kesamarataan pengertian ini memberikan impak yang cukup baik untuk sama-sama kita hayati.

Namun, media mula terjerumus dalam pasaran sensasi yang keterlaluan dalam mengetengahkan nilai-nilai pembedayaan luar sehingga orang Melayu sendiri lebih gemar untuk bercakap dalam bahasa Inggeris, khususnya artis, dan tidak terkecuali pemimpin yang berasa bahawa nilai wibawanya lebih tinggi. Pembedayaan sendiri dalam kalangan masyarakat Malaysia terhadap rasa bangga dan kebangertanggungjawabannya terhadap nilai negara bangsa sebenarnya mula hilang dalam kesegeraan mencapai makna kemajuan. Sedangkan, perjalanan ke arah itu belum benar-benar memaparkan hasilnya. Akibatnya, beberapa hal lain dijadikan mangsa keadaan, termasuklah bahasa Melayu.

Kesimpulannya, merekayasakan bahasa Melayu memerlukan pembedayaan pemikiran dan tindakan semua pihak yang mengakui dirinya sebagai warga Malaysia. Pemuaafakatan untuk sama-sama menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju perlu disemai melalui kefahaman dan kesamarataan pengertian yang jitu dan bukannya dibina secara berpetak dan disusuli dengan dinding-dinding yang menghambat keterbukaan yang penuh toleransi. Kalau tidak, kita sedang membina bom jangka yang akan meletuskan satu lagi malapetaka dalam negara, setelah hampir 60 tahun di mercu kemerdekaan. DB